

UTHM tawar Kejuruteraan Rel

Bakal tarik penyertaan pelajar tempatan dan luar negara ikuti pengajian bidang berkenaan

KLUANG - Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) bakal menjadi universiti tunggal di negara ini yang menawarkan kursus Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Rel.

Memorandum per-sefahaman itu ditandatangani antara UTHM dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Syarikat Prasarana Berhad serta dijangka direalisasi dalam tempoh dua tahun.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hou Kok Chung, UTHM berkata program itu dilihat mempunyai masa depan di samping bakal menarik penyertaan pelajar tempatan dan luar negara untuk mengikuti pengajian dalam bidang Sains Kejuruteraan Rel.

Menurutnya, pembinaan kampus cawangan di daerah

“ Pada masa ini, UTHM sedang berurusan dengan KTMB dan sudah mengenalpasti tapak kawasan bagi membina kampus cawangan tersebut.”

Kok Chung

ini bertepatan dengan lokasi Kluang yang strategik.

“Pada masa ini, UTHM sedang berurusan dengan KTMB dan sudah mengenalpasti tapak kawasan bagi membina kampus cawangan tersebut.

“Tapak tanah seluas 2.4 hektar itu terletak di tengah pusat bandar Kluang yang dijangka menelan belanja lebih kurang RM200 hingga



Kok Chung pada sidang media di Bangunan UTHM, Jalan Mersing, semalam.

RM250 juta bagi membina kampus cawangan berserta tempat penginapan pelajar,” katanya pada sidang media di Bangunan UTHM, Jalan Mersing, di sini, semalam.

Tambahnya, kampus ter-

sebut dijangka mampu menempatkan lebih kurang 3,000 pelajar.

Kok Chung berkata, pelaksanaan program tersebut dilihat selaras dengan perancangan hala tuju universi-

ti berkenaan dalam memperkembangkan program Kejuruteraan Rel.

“Pengambilan pelajar bagi program ini sudah bermula di peringkat ijazah sarjana selepas mendapat kelulusan pi-

hak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pada masa ini, UTHM hanya menawarkan pengajian sepenuh masa.

“Pelajar berkenaan sudah memulakan pengajian di kampus induk UTHM di Parit Raja, Batu Pahat. Bagaimanapun, pengambilan sepenuhnya akan dilakukan pada September ini yang akan ditawarkan kepada pelajar sepenuh dan separuh masa,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengharapkan kampus UTHM cawangan Kluang bakal menjadi pusat pengajian Kejuruteraan Rel yang khusus dalam tempoh dua tahun akan datang satu-satunya institusi pengajian tinggi yang menerajui akademik serta penyelidikan Kejuruteraan Rel negara.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Nor Dalimin.